

Masa untuk rebut peluang dalam Belanjawan 2025

FREE MALAYSIA TODAY

September 30, 2024

Shankaran Nambiar

Perdana menteri memberikan beberapa bayangan awal mengenai Belanjawan 2025. Baru-baru ini, beliau menyuarakan cadangan untuk menangani inflasi dan kos sara hidup.

Sudah pasti banyak isu lain yang akan cuba ditangani dalam belanjawan persekutuan itu, antaranya pendapatan kerajaan yang rendah, rasionalisasi subsidi dan ketidaksamaan.

Fokus utama seharusnya pada produktiviti. Ekonomi berdepan kekangan yang memerlukan penekanan khas pada produktiviti, kerana kita mahu pulangan yang baik daripada pengagihan sumber.

Saya menggunakan istilah 'produktiviti' secara longgar kerana ia boleh diukur dalam pelbagai cara. Kita boleh melihat produktiviti sebagai peningkatan hasil per pekerja atau peningkatan jualan. Tetapi kita perlu melangkaui ukuran produktiviti yang sempit.

Ambil sebagai contoh, pengumuman penjawat awam akan menerima kenaikan gaji antara 7% hingga 15% secara berperingkat.

Kita harus fikirkan cara supaya kenaikan tersebut menghasilkan peningkatan kecekapan, perkhidmatan yang lebih baik, dan pengurangan masa menunggu. Selain insentif yang betul, perlu ada tindakan-tindakan memastikan terdapat motivasi untuk mencapai prestasi yang baik.

Tolak kronisme

Belanjawan 2025 tidak boleh menjadi rancangan bagi individu, syarikat, dan kumpulan tertentu mencari peluang mendapatkan ganjaran tanpa sumbangan yang sepadan. Kita jangan beri ganjaran kepada kroni atau menyediakan peluang kepada mereka yang mempunyai keistimewaan tertentu.

Perdana menteri menegaskan dengan jelas (dan berulang kali) bahawa negara tidak akan bertolak ansur dengan rasuah. Mungkin sukar untuk menangani isu rasuah secara langsung dalam kertas belanjawan, namun ia masih boleh dilakukan.

Kita boleh mereka atur peraturan institusi yang tidak bertolak ansur dengan amalan rasuah; perolehan kerajaan boleh dilakukan secara telus dan dipacu proses; dan pengawasan boleh diperketatkan bagi mengelak kejadian seperti 1MDB

berulang. Beberapa isu ini boleh disentuh dalam ucapan belanjawan, sementara yang lain perlu ditangani secara berbeza.

Perlu lebih banyak R&D

Belanjawan 2025 akan menawarkan peluang jelas untuk syarikat-syarikat, tetapi mereka bertanggungjawab untuk memandang melangkaui insentif segera yang ditawarkan.

Isu penyelidikan dan pembangunan (R&D) sentiasa menjadi persoalan yang rumit. Ia menyumbang kepada produktiviti dan harus digalakkan.

Jika dilihat secara jangka pendek, R&D adalah kos yang mungkin ingin dielakkan oleh perniagaan milik keluarga.

Wang yang dibelanjakan untuk kereta mewah memberikan kepuasan segera, sementara pelaburan dalam R&D adalah sesuatu yang tidak pasti dan memerlukan masa untuk membuahkan hasil. Namun, ia perlu jika kita ingin bersaing dan berjaya di pasaran global. Inilah bidang yang perlu diambil oleh sektor swasta, terutama syarikat kecil, bersama agensi kerajaan yang berkaitan.

Ubah cara berfikir

Perusahaan kecil dan sederhana (PKS) boleh menjadi nadi ekonomi sesebuah negara, seperti yang ditunjukkan di Korea dan Taiwan. Sektor PKS harus mengambil peluang yang wujud dalam belanjawan negara dan mereka harus disokong dalam usaha untuk berinovasi dan mencipta 'Jenama Malaysia'.

Dalam keadaan semasa, dengan keadaan fiskal yang ketat dan persekitaran global yang tidak menentu, individu, syarikat, dan kerajaan perlu berusaha untuk mengambil peluang yang ada.

Perlu ada perubahan dalam cara berfikir. Ejen ekonomi perlu berfikir untuk memanfaatkan peluang yang ada. Mereka perlu berfikir untuk mengambil kesempatan dalam setiap peluang yang ada, malah mencipta peluang itu sendiri.

Perlu ada sikap yang lebih keusahawanan. Sebagai sebahagian daripada anjakan minda ini, kerajaan harus menonjolkan diri sebagai pemudah cara untuk merealisasikan peluang, bukan semata-mata sebagai penyedia peluang.

Belanjawan 2025 boleh menjadi detik penting bagi agenda ekonomi untuk dekad yang akan datang. Tetapi itu hanya boleh dicapai jika usaha individu, keusahawanan, dan bakat diberi ganjaran. Ekonomi tidak akan mampu maju jika ganjaran diberi berdasarkan keistimewaan dan kelebihan tertentu.

Ganjaran mesti diperolehi dengan usaha keras, dan merebut peluang yang ada.

Copyright © 2009 - 2024 FMT Media Sdn Bhd. All Rights Reserved. A part of Media Prima Group.

Sources:

<https://www.freemalysiatoday.com/category/bahasa/pandangan/2024/09/30/masa-untuk-rebut-peluang-dalam-belanjawan-2025/>